

PELAKSANAAN YURAN PENGAJIAN PER KREDIT @ UMK

01. Kelulusan Pelaksanaan dan Kuatkuasa



Pelaksanaan yuran pengajian per kredit telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pada 28 Jun 2024 dan berkuat kuasa sepenuhnya bermula kohort pengambilan Semester September Sesi Akademik 2024/2025.

02. Caj Awal Berdasarkan Pra-Pendaftaran Kursus



Bendahari menjana caj berdasarkan pra pendaftaran kursus pelajar. **Jumlah caj ini boleh berubah sekiranya pelajar membuat penambahan atau penguguran kursus (add/drop) dalam tempoh Minggu 1 hingga Minggu 6.**

03. Penyelarasan Semula Kadar Yuran (Selepas Minggu Ke-7)



Bendahari akan membuat penyelarasan semula kadar yuran sekiranya terdapat sebarang perubahan pendaftaran kursus. Pelarasan ini akan dikemas kini dan dimasukkan ke dalam sistem ecapsule pelajar

04. Dinasihati Rancang Kewangan Lebih Awal



Pelajar dinasihati supaya merancang kewangan lebih awal dengan memperuntukkan sebahagian daripada pinjaman PTPTN untuk pembayaran yuran, khususnya bagi pelajar yang masih berpotensi membuat add/drop dalam Minggu 1 hingga Minggu 6.

05. Polisi Penguguran Kursus (Tiada Pulangan Wang)



Sekiranya caj yuran telah dikenakan dan pelajar kemudiannya membuat penguguran kursus, amaun caj berkenaan tidak akan dipulangkan. **Walaupun bagaimanapun, amaun tersebut akan dibawa ke hadapan dan dikreditkan untuk tujuan caj yuran pada semester berikutnya.**

Disediakan oleh: Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

KEUSAHAWANAN TERAS KAMI • ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST